



29 Oktober 2024
Kenyataan Media

PELUANG MENANGI PEMERIKSAAN PERCUMA PUSPAKOM DI KARNIVAL JOM HEBOH DI PLAZA ANGSANA JOHOR BAHRU

Shah Alam, 29 Oktober 2024 – Buat julung-julung kalinya, PUSPAKOM akan menyertai Karnival Jom Heboh (KJH) anjuran Media Prima di Plaza Angsana, Johor Bahru, bermula dari 1 hingga 3 November 2024.

Inisiatif PUSPAKOM menyertai KJH ini bertujuan untuk memberi peluang kepada orang ramai untuk mengenali PUSPAKOM secara lebih dekat.

Orang ramai dijemput untuk melayari media sosial kami iaitu Facebook, Instagram dan TikTok @puspakomofficial untuk maklumat lanjut, dan juga berpeluang memenangi Pemeriksaan Kenderaan Secara Sukarela (VVI) percuma untuk kenderaan persendirian di karnival tersebut dengan menjawab kuiz mudah. Sertai kuiz kami dan rebut peluang hebat ini!

Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM, Mahmood Razak Bahman, amat teruja untuk memperkenalkan Unit Trak Bergerak kepada orang ramai di karnival ini. Menurut beliau, Unit Trak Bergerak yang turut dipanggil MTS (Mobile Truck Services) ini boleh menjalankan pemeriksaan kenderaan dan mengeluarkan laporan pemeriksaan yang sah.

“Keistimewaan MTS ini adalah kemampuannya untuk bergerak ke mana-mana lokasi yang diperlukan untuk menjalankan pemeriksaan kenderaan, sama ada di kawasan bandar mahupun luar bandar. Oleh itu, orang ramai jangan lepaskan peluang ini untuk menyaksikan sendiri bagaimana MTS beroperasi dan lebih memahami fungsi PUSPAKOM secara langsung,” kata Mahmood.



“Kemunculan kami bersama unit bergerak di KJH ini adalah sebahagian daripada strategi pemasaran baharu syarikat yang bertujuan mendekatkan lagi diri kami dengan masyarakat umum”, tambah Mahmood.

Pemeriksaan percuma ini melibatkan 25 bahagian pemeriksaan termasuk brek, gelincir sisi, tayar, suspensi, asap, lampu, bahagian bawah dan atas kenderaan, ketelusan cahaya cermin, dan banyak lagi. Ini bagi memastikan kenderaan berada dalam tahap keselamatan yang optimum.

“Kami menggunakan alat pemeriksaan berkomputer untuk memeriksa keberkesanan komponen kenderaan seperti cengkaman brek dan tahap pelepasan asap. Laporan pemeriksaan akan diberikan kepada pemilik kenderaan sebagai rujukan, supaya mereka mengetahui keadaan sebenar kenderaan atau kerosakan yang mungkin tidak dapat dilihat dengan mata kasar,” jelas Mahmood lagi.

Selain daripada pemeriksaan percuma VVI, PUSPAKOM turut menawarkan Pemeriksaan Tukar Milik – M.V.15 (B5), Pemeriksaan Sewa Beli - B7, Pemeriksaan cukai Jalan Tamat Tempoh dan Pemeriksaan Import Terpakai/Baharu - B2 di karnival tersebut.

PUSPAKOM mengaplikasikan pendekatan SEE – Keselamatan (Safety), Alam Sekitar (Environment) dan Ekonomi (Economy). Pemeriksaan ini dapat membantu memastikan kenderaan lebih selamat, mengurangkan pencemaran udara melalui ujian asap, serta membantu kelancaran ekonomi dengan memastikan kenderaan komersial dalam keadaan baik dan selamat untuk beroperasi.

Di KJH, PUSPAKOM turut menyediakan khidmat nasihat berkaitan kenderaan, tawaran insurans dan kuiz serta pelbagai hadiah menarik untuk pengunjung yang hadir ke booth PUSPAKOM.



Orang ramai dijemput beramai-ramai ke KJH dan jangan lepaskan peluang untuk mendapatkan pemeriksaan kenderaan dan menyertai pelbagai aktiviti sambil beramah mesra dengan kakitangan PUSPAKOM di sana.

#